

U 8615 AAB
MAHATHIR - BAHASA

SHAH ALAM, 23 NOV (BERNAMA) -- KERAJAAN TELAH MEMUTUSKAN UNTUK MEMBERI PENEKANAN TERHADAP PENGUSAHA BAHASA JEPUN DI KALANGAN PEKERJA DAN EKSEKUTIF YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG DALAM PERINDUSTRIAN NEGARA, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI.

BELIAU BERKATA TAHAP PENGUSAHA PARA PEKERJA ITU TIDAKLAH PERLU TERLALU TINGGI TETAPI PIHAK PENGURUSAN DIKEHENDAKI MEMPUNYAI PENGUSAHA YANG BAIK BAGI KEPERLUAN TUGAS MEREKA.

UNTUK TUJUAN INI KERAJAAN AKAN MENGADAKAN BEBERAPA KEMUDAHAN UNTUK MEREKA MEMPELAJARI BAHASA JEPUN, KATANYA SEMASA BERUCAP MERASMIKAN KILANG MATSUSHITA TELEVISION CO (MALAYSIA) SDN BHD DI KAWASAN PERINDUSTRIAN SHAH ALAM DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN JUGA AKAN DIGALAKKAN MEMPELAJARI BAHASA JEPUN, DAN BERHARAP SYARIKAT-SYARIKAT JEPUN AKAN MEMBANTU USAHA ITU.

BELIAU BERKATA PEKERJA DAN EKSEKUTIF MALAYSIA HENDAKLAH MENGADAKAN PANDANGAN YANG POSITIF TERHADAP USAHA ITU DAN +LANGKAH INI BUKAN BERTUJUAN MENJADIKAN KITA ORANG JEPUN.+

+JIKA KITA INGIN MAJU DAN BERJAYA, KITA HENDAKLAH BELAJAR DARIPADA ORANG YANG MAJU DAN BERJAYA. TIDAK ADA CARA YANG LEBIH BERKESAN DALAM MEMPELAJARI BAGAIMANA ORANG LAIN BERJAYA SELAIN MEMAHAMI BAHASA MEREKA,+ KATANYA. -- LAGI
1530MST 23 11 89

D534

U 8616 AAB
MAHATHIR - BAHASA 2 SHAH ALAM

SEMASA BERCAKAP KEPADA PEMBERITA KEMUDIANNYA DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PENGUSAHA BAHASA JEPUN ITU TIDAK DIWAJIBKAN TETAPI HANYA DIGALAKKAN UNTUK MENIMBA PENGETAHUAN PARA PEKERJA DAN PIHAK PENGURUSAN.

SEMASA BERUCAP PADA MAJLIS ITU, PERDANA MENTERI JUGA BERKATA KAKITANGAN DAN PEKERJA TEMPATAN HARUS BELAJAR BERSUNGGUH-SUNGGUH SERTA Mencari kemahiran di tempat kerja dan tidak menunggu untuk diajar sahaja.

KATANYA, MEREKA JUGA MESTI BEKERJA BERSUNGGUH-SUNGGUH KERANA PARA PEKERJA TEMPATAN ADALAH SATU KOMPONEN YANG DAPAT MENARIK PELABUR KE NEGARA INI.

+APABILA KITA MENGADAKAN PROMOSI MENARIK PELABURAN, SALAH SATU YANG DITERANGKAN KEPADA PARA PELABUR IALAH MALAYSIA MEMPUNYAI TENAGA KERJA YANG CEKAP DAN MAHIR SERTA MEMPUNYAI TINGKAT PELAJARAN YANG BAIK UNTUK MEMBOLEHKAN MEREKA MENJALANI SEBARANG LATIHAN DAN KEMAHIRAN.+ KATANYA.

KATANYA, PARA PEKERJA MESTI INGAT BAHAWA JIKA TIDAK KERANA KESANGGUPAN PELABUR ASING MELABUR DI NEGARA INI, PELUANG PEKERJAAN TIDAK AKAN BERTAMBAH.

-- BERNAMA
1532MST 23 11 89